

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN  
(SEGAMBUT)**

**SOALAN**

**PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN [ SEGAMBUT ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah kematian warga asing di dalam pusat tahanan imigresen (termasuk mereka yang tidak mempunyai sebarang rekod kewarganegaraan) yang telah direkodkan sejak 2015 dan berikan semua butiran berkaitan seperti kematian, jantina dan umur.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh 5 tahun lepas iaitu dari tahun 2015 sehingga 30 Jun 2020, sejumlah 245 kematian yang terdiri daripada tahanan dari pelbagai kewarganegaraan direkodkan di Depot Tahanan Imigresen seluruh negara. Tahanan dari negara Myanmar mencatatkan jumlah kematian tertinggi iaitu seramai 74 orang, diikuti oleh tahanan warganegara Indonesia seramai 66 orang dan tahanan warganegara Bangladesh iaitu seramai 27 orang.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sentiasa menitikberatkan hal ehwal kebajikan tahanan di Depot Tahanan Imigresen dengan menyediakan penjagaan khas serta perlindungan terhadap mereka semasa dalam tahanan.

Sebagai langkah bagi memastikan tahap kesihatan yang baik di kalangan tahanan, pihak JIM telah bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menempatkan 14 orang Penolong Pegawai Perubatan di Depot Tahanan Imigresen di seluruh negara bagi memberikan rawatan awal kepada tahanan. Klinik kesihatan yang berhampiran telah dikenalpasti dan dipilih oleh KKM bagi memperkukuh perkhidmatan kesihatan di Depot Tahanan Imigresen serta berperanan sebagai pusat rujukan oleh Penolong Pegawai Perubatan yang dilantik dan sebagai pembekal keperluan perubatan ke depot-depot. Pemantauan kesihatan secara berkala turut dilakukan oleh KKM ke Depot Tahanan Imigresen dari semasa ke semasa.

Selain itu, JIM turut melaksanakan tindakan pencegahan pencegahan dan aktiviti kawalan untuk memastikan kesejahteraan tahanan di Depot Tahanan Imigresen seperti berikut:

- (i) seorang Penolong Pegawai Perubatan Gred U29/32 jawatan kader ditempatkan di setiap Depot Tahanan Imigresen untuk menguruskan hal ehwal kesihatan tahanan daripada proses saringan awal, kes-kes ringan dan juga rawatan susulan;
- (ii) pemeriksaan awal kesihatan terhadap semua tahanan termasuk kanak-kanak dilaksanakan bagi mengenal pasti tahap kesihatan mereka;
- (iii) pemberian imunisasi kepada tahanan kanak-kanak di Depot Tahanan Imigresen berpandukan jadual imunisasi untuk mencegah penyakit berjangkit; dan
- (iv) mengadakan sesi libat urus dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) tempatan dan antarabangsa seperti *International Committee of the Red Cross (ICRC)*, Suka Society dan MyCare bagi menambahbaik pengurusan kesihatan tahanan.